

Penyusuan dan Bank Susu Menurut Islam Breastfeeding and Milk Bank According to Islam

NORMADIAH DAUD
ZULIZA MOHD KUSRIN
SALASIAH HANIN HAMJAH
ANWAR FAKHRI OMAR

ABSTRAK

Penyusuan susu ibu boleh membantu tumbesaran mental dan fizikal kanak-kanak. Kepentingan dan keistimewaan susu ibu bukan sahaja diiktiraf dalam Islam malah juga oleh penyelidik sains perubatan dan pemakanan. Artikel ini bertujuan membincangkan rukun dan hak penyusuan menurut Islam di samping isu penubuhan bank susu. Metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan ini ialah analisis kandungan yang fokus kepada buku-buku fiqh. Hasil perbincangan mendapatkan terdapat tiga rukun penyusuan iaitu ibu susuan, anak susuan dan bapa susuan. Dalam hak penyusuan terdapat perbincangan berkenaan hak anak, hak ibu dan hak bapa berasaskan perbahasan para ulama. Perbincangan juga mendapatkan bahawa Islam bukan sahaja mengiktiraf kelebihan khasiat susu ibu tetapi juga menekankan isu pensabitan nasab anak dengan ibu susuan. Justeru, isu penubuhan bank susu telah difatwakan sebagai tidak diharuskan penubuhannya di Malaysia, bagi mengelakkan masalah penentuan pensabitan nasab yang sukar dipastikan. Seterusnya, Islam mengiktiraf penyusuan adalah hak anak tetapi tidaklah wajib bagi ibu untuk menyusukan anaknya kerana dalam bab penyusuan tersebut terdapat hak anak dan hak ibu yang telah ditentukan. Hak suami adalah tertakluk kepada menegah isterinya mengambil upah menyusukan anak orang. Justeru suami tidak berhak melarang isterinya menyusukan anak mereka dan juga anak isterinya dengan bekas suami terdahulu.

Kata Kunci: Susu ibu, anak susuan, hak, nasab, penyusuan

ABSTRACT

Breastfeeding is proven to help mental and physical growth of children. Significance and privileges of breast milk has been recognized in Islam as well by researchers of medical science and nutrition. This article aims to discuss pillars and rights to breastfeed in Islam and also on the issue of establishing milk bank in Islam. The research methodology used is content analysis that focuses on related books of fiqh. The discussion discovers that there are three pillars of breastfeeding in Islam, they are women who breastfeed, breast-fed infant and the father of the infant. The discussion on issues of breastfeeding as children's rights, mother's rights and father's rights is discussed based on arguments of Muslim scholars. Discussion discovers that Islam does not merely recognize the advantages of mother's milk but also emphasizes on the issue of conviction of consanguinity due to breastfeeding. Thus the issue of setting up milk banks is prohibited in Malaysia, to avoid the problem of determining the lineage. Further Islam recognizes that breastfeeding is the right of the child, but is not compulsory for mother to breast feed her child because discussion of breastfeeding has specified on certain rights of the child and the mother. Husband's right is to prohibit his wife to breastfeed the children of others in order to get side incomes. Thus the husband has no right to prevent his wife to breastfeed their children and also children of his wife with ex-husband.

Keywords: Mother's milk, breast-fed infant, rights, lineage, breastfeeding

PENGENALAN

Susu ibu merupakan sumber pemakanan yang seimbang dan ia terbukti menjamin kesihatan dan tumbesaran mental serta fizikal bayi yang lebih sihat dan sempurna. Keistimewaan kandungan susu ibu telah diiktiraf dari aspek sains, sosial, ekonomi dan agama. Susu ibu mengandungi zat-zat yang amat berkhasiat yang diperlukan oleh bayi untuk

membesar. Ia mengandungi enam kali lebih banyak protein, lima kali lebih vitamin A, 12 kali lebih karotena, tujuh kali lebih vitamin E dan tiga hingga empat kali lebih antibodi jika dibandingkan dengan zat kandungan yang terdapat dalam susu formula. Kandungan zat yang berganda dalam susu ibu ini menjadikannya sebagai perisai bagi melindungi bayi daripada serangan pelbagai penyakit (Bond & Filler 1881).

Menurut Islam, kepentingannya jelas terbukti melalui firman Allah SWT dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang menggalakkan para ibu menyusukan anak-anak mereka daripada lahir hingga genap berusia dua tahun. Penyusuan susu ibu telah dibincangkan secara khusus dalam sistem kekeluargaan Islam, iaitu dalam bab *al-rada'ah*. Ini kerana, penyusuan dalam Islam bukan hanya melihat kepada kesan positif kepada tumbesaran kanak-kanak, tetapi juga mempunyai kesan dalam mensabitkan nasab kanak-kanak kepada ibu susuannya. Justeru, Islam menekankan perbincangan berkenaan kepentingan penyusuan ibu, mengambil kira juga rukun-rukunnya dan hak penyusuan tersebut, sama ada penyusuan tersebut hak bayi sepenuhnya atau hak ibu yang menyusukan ataupun hak bapa kanak-kanak tersebut.

Kepentingan khasiat susu ibu terhadap tumbesaran bayi dan kesihatan ibu menyebabkan lahirnya keharusan ibu susuan yang menyusukan bayi yang kematian ibu atau ibunya tidak berupaya menyusukannya atas sebab-sebab kesihatan dan sebagainya. Keperluan menyediakan susu ibu juga menyebabkan lahirnya bank susu ibu bermula seawal tahun 1910 di Washington, Amerika, melalui idea yang dicetuskan oleh Talbot. Idea tersebut kemudiannya dibawa ke Eropah oleh Marie yang membuka bank susu di Jerman dan kemudiannya disusuli oleh Nulong di Paris pada tahun 1947 (Utusan Malaysia Online 9 Februari 2012). Terbaru di Malaysia, isu mewujudkan bank susu diperkatakan bagi mengatasi masalah kesihatan yang dihadapi oleh bayi-bayi seperti kelahiran bayi pra-matang, kelahiran bayi oleh ibu penghidap penyakit berjangkit seperti HIV positif dan kelahiran anak kembar melebihi dua orang dan sebagainya. Walau bagaimanapun, idea ini akhirnya dianggap tidak praktikal untuk dilaksanakan kerana menurut perspektif Islam ia akan menyebabkan kekeliruan dalam menentukan nasab anak-anak tersebut. Justeru, fatwa kebangsaan telah diwartakan bahawa penubuhan bank susu adalah diharamkan di Malaysia.

Berasaskan kenyataan di atas, artikel ini membincangkan pengertian penyusuan susu ibu menurut hukum syarak serta dalil pensyariatannya menurut al-Quran dan al-sunnah, rukun-rukun penyusuan serta hak penyusuan menurut Islam. Perbincangan berkenaan isu penubuhan bank susu juga dibincangkan dengan menganalisis pandangan para ulama yang bersetuju dan menentang penubuhannya.

PENGERTIAN PENYUSUAN

Pengertian penyusuan susu ibu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pengertian menurut bahasa dan menurut istilah syarak. Menurut bahasa, penyusuan berasal daripada perkataan *radi'a* iaitu penyusuan anak oleh ibunya. Ia juga membawa makna *daraba* (Ibn Manzur t.th.) yang membawa makna pukul. Perempuan yang menyusukan anak digelar *al-murdi'ah*, manakala anak yang disusui pula digelar *al-radi'*. Menurut istilah syarak, terdapat beberapa pandangan daripada mazhab tertentu berkenaan beberapa maksud dan takrif penyusuan. Antaranya Mazhab Hanafi mentakrifkan penyusuan sebagai meminum susu perempuan pada waktu tertentu (al-Ghunaymi 1993). Mazhab Maliki pula berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu perempuan sama ada sesudah mati atau perempuan kecil meskipun melalui puting atau alat bantuan makanan atau susu yang bercampuran (dengan syarat hendaklah susu melebihi dari benda lain) dengan makanan lain dalam tempoh tidak melebihi dua tahun (al-Dardir t.th.). Mazhab Shafii yang menjadi pegangan kebanyakan umat Islam di Malaysia menyatakan penyusuan ialah sesuatu perkara yang digunakan untuk memasukkan susu perempuan ke dalam hidangan kanak-kanak yang memberi kesan kepada pembesaran (al-Sharbini t.th.). Seterusnya Mazhab Hanbali berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu secara semula jadi atau alat bantuan minuman kepada sesiapa yang umurnya tidak melebihi dua tahun (al-Buhuti 2003). Berdasarkan maksud dan takrif yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa pengertian penyusuan susu ibu ialah memasukkan susu perempuan ke dalam rongga kanak-kanak yang tidak melebihi usia dua tahun.

PENSYARIATAN PENYUSUAN

Penyusuan susu ibu adalah amalan yang baik dan digalakkan oleh Islam bagi menjamin kesihatan tumbesaran bayi dan pemulihan kesihatan ibu selepas melahirkan bayi. Terdapat dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis yang menyokong dan menggalakkan amalan penyusuan ibu tersebut. Peranan susu ibu dalam proses pembangunan modal insan telah dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu (al-Baqarah: 233).

Dalam ayat ini, Allah SWT menyatakan dengan jelas bahawa para ibu itu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun bagi mereka yang berkemampuan dan mengingininya. Namun begitu, tidak menjadi kesalahan sekiranya mereka ingin mengupah orang lain untuk menyusukan anak mereka kerana sebab-sebab tertentu. Tetapi terdapat banyak perbezaan bagi bayi yang disusui oleh ibu sendiri dengan disusui oleh perempuan lain (Rashid Rida 2005). Walaupun anak mendapat khasiat yang sama, tetapi kasih sayang ketika menyusukan anak tidak dapat dicurahkan oleh seseorang ibu. Dalam keadaan yang tertentu ada kalanya anak terpaksa diserahkan kepada orang lain untuk disusui kerana susu ibu kering atau ibu sakit dan sebagainya, dan amalan sedemikian dibenarkan oleh Islam. Namun sekiranya ibu sihat dan mempunyai susu, sewajarnya si ibu sendiri yang menyusukannya untuk kesihatan tumbesaran anak dan pemulihan kesihatan ibu sebagaimana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta katahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan (al-Baqarah: 233).

Tempoh penyusuan yang paling ideal juga turut disebut dalam ayat yang lain, seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan Kami wajibkan menusia berbuat baik kepada kedua ibu bapa; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan (al-Ahqaf: 15).

Selain daripada ayat al-Quran, terdapat banyak hadis Rasulullah SAW yang menceritakan tentang kelebihan menyusu badan dan pensabitan haram akibat penyusuan. Antara hadisnya ialah sabda Rasul Allah SAW yang bermaksud:

Daripada Ummu Salamah katanya, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tidak diharamkan daripada penyusuan melainkan penyusuan yang menguatkan usus melalui puting susu dan ia berlaku sebelum bayi bercerai susu (pada kebiasaannya) (al-Tirmidhi, kitab *al-rada 'ah*, bab penyusuan dewasa).

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya penyusuan itu daripada sebab kelaparan (al-Bukhari, kitab nikah, bab penyusuan selepas dua tahun).

Baginda SAW bersabda lagi yang bermaksud:

Tidak ada hukum susuan melainkan penyusuan yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging (al-Shawkani, kitab nikah, bab penyusuan dewasa).

Ayat al-Quran dan hadis tersebut jelas menyatakan bahawa penyusuan susu ibu adalah digalakkan kerana ia adalah makanan terbaik untuk bayi dan membantu tumbesaran mental dan fizikal bayi yang sihat. Walau bagaimanapun, penyusuan dalam Islam tidak hanya memfokuskan kepada isu kesihatan, tetapi juga menitikberatkan pensabitan nasab anak susuan dengan ibu susuannya, yang jika cukup rukun dan syarat-syaratnya menyebabkan sabitnya nasab anak susuan tersebut kepada ibu susuannya. Ayat yang berkaitan dengan pensabitan nasab disebabkan susu ibu dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri kamu yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihami (al-Nisa': 23).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Diriwayatkan daripada 'Aishah ra katanya, telah bersabda Rasulullah SAW: Tidak diharamkan nikah oleh satu dan dua kali hisapan (al-Muslim, kitab *al-rada 'ah*, bab satu dan dua kali hisapan).

RUKUN PENYUSUAN MENURUT SYARAK

Bagi mensabitkan nasab kanak-kanak dengan ibu susuannya, beberapa rukun dan syaratnya perlu dianalisis dan ini menyebabkan para ulama membahaskan tiga perkara yang dikenal pasti sebagai rukun-rukun penyusuan susu ibu. Dalam Islam, penyusuan akan melibatkan tiga pihak utama yang saling berhubungan antara satu sama lain, iaitu ibu susuan (*murdī’ah*), bayi susuan (*rādi’*) dan bapa susuan (*murda’lah*).

IBU SUSUAN

Al-Murdī’ah membawa makna ibu yang menyusukan anak. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu (al-Baqarah: 233).

Al-Walidat dalam ayat ini membawa maksud ibu yang melahirkan anak dan seterusnya menyusukan anak tersebut. Namun begitu, terdapat pertikaian para *mufassirin* dalam menentukan maksudnya, iaitu sama ada ia khusus kepada ibu yang telah diceraikan ataupun ibu yang masih menjadi isteri ataupun semua wanita atau ibu yang melahirkan anak tidak kira masih berada dalam ikatan perkahwinan atau telah diceraikan. Pendapat pertama ialah seperti yang dinyatakan dalam *Tafsir al-Manar* yang mentafsirkan kalimah *al-walidat* ini khusus kepada para ibu yang telah diceraikan sahaja. Ini kerana ayat ini secara keseluruhannya diturunkan dalam bab talak dan penceritaannya juga adalah hukum-hakam yang berkaitan dengan talak. Perkara ini terjadi apabila sepasang suami isteri bercerai dan mereka mempunyai anak yang masih menyusu. Maka turunlah ayat ini untuk menjelaskan keadaan tersebut (Rashid Rida 2005). Pendapat kedua ialah merujuk kepada al-Qurtubi yang mentafsirkan perkataan ini membawa makna para ibu yang masih menjadi isteri atau masih dalam ikatan pernikahan serta mereka mempunyai anak untuk disusui. Pendapat ini berhujah bersandarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (al-Baqarah: 233).

Ayat ini membuktikan bahawa ibu yang dimaksudkan sebagai penyusu atau ibu yang masih

menjadi isteri dan berada dalam ikatan perkahwinan dan bukannya isteri yang telah diceraikan. Ini kerana yang berhak mendapat nafkah dan pakaian daripada seorang bapa atau suami ialah seorang isteri yang sah dan bukannya yang telah diceraikan. Isteri yang telah diceraikan sebaliknya tidak berhak mendapat nafkah, mereka hanya berhak mendapat upah sahaja (al-Qurtubi 1988).

Pendapat ketiga pula menyatakan perkataan *al-walidat* tersebut bermaksud semua wanita atau ibu yang melahirkan anak tidak kira berada dalam ikatan perkahwinan atau telah diceraikan. Mereka semua adalah *murdī’ah* dan perlu menyusukan bayi mereka. Pendapat ini ditarjihkan oleh al-Alusi dalam kitabnya *Ruh al-Ma’ani*. Mereka berhujah dengan ayat di atas. Menurut pendapat ini, Allah SWT menggunakan lafadz am dalam menyebut kalimah *al-walidat*, iaitu semua ibu-ibu tanpa ada ayat yang mentakhsiskannya. Maka hukumnya merangkumi semua ibu sama ada yang belum diceraikan atau yang telah diceraikan (al-Alusi 1987). Pendapat ini merupakan pendapat yang *rajih* berdasarkan kepada hujah yang berdasarkan kepada *qawa’id usuliyah* yang bermaksud:

Umum itu akan kekal dalam keadaan umumnya sehingga datang dalil yang mengkhususkannya (al-Shawkani t.th.).

BAYI SUSUAN

Al-Rādi’ membawa maksud bayi yang disusui berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (al-Baqarah: 233).

Para *mufassirin* bersepakat mengatakan bahawa penyusuan adalah hak kepada bayi sepertimana nafkah kepada anak yang telah besar (al-Shirazi t.th.). Oleh itu, bapa bertanggungjawab memberi nafkah pakaian dan makanan kepada si ibu yang menyusukan anak. Ini kerana, hasil daripada pemakanan yang sihat daripada ibu susuan tersebut, terhasil susu untuk diminum oleh bayi. Pensabitan nasab melalui penyusuan dalam Islam menetapkan bahawa bayi yang menyusu adalah bayi yang berusia kurang daripada dua tahun, berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu (al-Baqarah: 233).

BAPA SUSUAN

Al-Murda' lah ialah bapa kepada anak yang disusui berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (al Baqarah: 233).

Al-Zamakhshari (1977) dalam tafsirnya menjelaskan kalimah *al-mawlud lah* sebagai bapa kepada bayi yang disusui. Bapa dikehendaki memberi nafkah kepada ibu yang masih menjadi isterinya dan menyusui anaknya serta memberi upah kepada isteri yang telah diceraikan tetapi masih menyusui anaknya.

Selain daripada memenuhi rukun-rukun tersebut, penyusuan juga boleh berlaku dengan cara mengupah perempuan yang berkemampuan untuk menyusukan bayi, ketika ibunya sendiri tidak berdaya menyusukan bayinya sendiri. Di samping itu, terdapat kaedah baru iaitu dengan menubuhan bank susu untuk dimanfaatkan oleh anak-anak yang terdesak memerlukan susu ibu, seperti bayi pramatang, alahan dengan susu formula dan masalah kesihatan lain yang hanya boleh dijamin kesihatan dengan meminum susu ibu sahaja. Pelbagai cadangan dan idea telah muncul bagi mengatasi permasalahan dalam penyusuan termasuklah idea penubuhan bank susu untuk menampung kekurangan susu bagi bayi yang dilahirkan disebabkan ketiadaan ibu atau tiada wanita yang sanggup menyusukan bayi tersebut. Walau bagaimanapun, hukum syarak yang memandang serius pensabitan nasab anak-anak telah menyebabkan isu penubuhan bank susu ini diperbahaskan secara terperinci.

BANK SUSU DAN PENSABITAN NASAB

Penubuhan bank susu ini dihasilkan dengan cara mengumpulkan susu daripada wanita-wanita di seluruh dunia dan diletakkan di satu tempat khas sepertimana bank darah. Penubuhan bank susu ini membawa pelbagai persoalan yang mungkin akan timbul sekiranya ia dilaksanakan. Antaranya, adakah terjadinya hubungan persaudaraan kepada bayi yang dilahirkan dengan penderma susu tersebut dan bagaimana mengenal pasti pemilik susu tersebut sedangkan ia bercampur dengan susu daripada wanita lain. Permasalahan penubuhan bank susu ini telah menimbulkan dua pendapat ulama, iaitu antara yang bersetuju dan yang menentang penubuhan bank susu tersebut. Namun, kedua-dua pendapat tersebut

mempunyai hujah-hujah dan dalil-dalil tertentu dalam membahaskan permasalahan ini.

Para ulama yang bersetuju dengan penubuhan bank susu ini cenderung untuk berpegang kepada pendapat bahawa sesuatu yang boleh membawa keringanan adalah *umum al-balwa* (sesuatu yang menimpa umum manusia) kerana mengambil kira keadaan manusia dan sebagai berlemah lembut terhadap mereka (al-Qaradawi 1995). Pandangan ini bermaksud kemudarat terhadap kesihatan anak perlulah didahului dan dijaga kerana tanpa penyusuan yang sempurna anak yang dilahirkan akan menghadapi pelbagai penyakit yang mungkin boleh membawa kepada kematian. Jadi, ulama yang berpegang dengan pandangan ini mengambil pendekatan bahawa maslahah yang terjadi kepada masyarakat umum adalah lebih utama daripada kepentingan individu semata-mata.

Sebahagian ulama yang bersetuju juga berhujah bahawa tidak akan berlaku hubungan persaudaraan sekiranya susu yang didermakan itu dalam kuantiti yang sedikit. Bahkan apabila susu itu dikeringkan dan kemudiannya diproses menjadi tepung, hendaklah tepung itu diletakkan air yang banyak dan seterusnya menghilangkan keaslian susu tersebut kerana telah bercampur dengan sesuatu yang lain. Begitu juga ulama yang berpegang dengan pendapat Ibn Hazm yang mendefinisikan penyusuan hanya berlaku apabila bayi menghisap dari buah dada wanita dengan menggunakan mulutnya. Bayi yang disuap susu kepunyaan seseorang perempuan melalui botol atau sebarang alat atau dimakan bersama roti atau sebarang makanan lain atau dititiskan ke mulut, hidung dan telinganya ataupun disuntik, kesemuanya tidak menjadikannya mahram walaupun ia menjadi makanannya seumur hidup (al-Qaradawi 1995). Ini bermaksud pemberian susu kepada bayi daripada bank susu ini tidak akan menyebabkan terjadinya mahram kepada penderma dengan bayi tersebut sekiranya pendapat ini diterima oleh para ulama. Ibn Hazm berhujah bersandarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu,
dan saudara-saudara susuan kamu (al-Nisa':
23).

Ayat ini memberi gambaran bahawa bayi disusui oleh para ibu secara langsung, bukannya melalui apa-apa perantaraan. Sekiranya ia melalui perantaraan atau bercampur dengan sesuatu makanan lain, maka ia tidak menyebabkan bayi itu mahram dengan ibu susuannya.

Turut menyokong penubuhan ini juga adalah pendapat yang dikeluarkan oleh Lajnah Fatwa al-Azhar pada tahun 1960, semasa diajukan persoalan penubuhan bank susu oleh Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Syarak Indonesia. Lajnah ini mengeluarkan pendapat mereka dengan berpandukan kitab *al-Durr al-Mukhtar* yang menyatakan, seandainya anak (seorang anak perempuan) itu disusui oleh kebanyakan orang di suatu desa, kemudian tidak diketahui siapa yang menyusuinya, lalu salah seorang daripada mereka ingin mengahwininya, jika tiada bukti dan tanda bahawa ia saudara susuan dan tiada saksi, maka hukumnya boleh berkahwin. Ibn ‘Abid ibn ‘Ali menyatakan hukumnya adalah dibolehkan kerana perkara ini termasuk dalam rukhsah agar pintu perkahwinan tidak ditutup dan ia tidak termasuk dalam kaedah asal penyusuan yang diharamkan (Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Sharak Indonesia 1976).

Walaupun begitu, kebanyakan ulama di kalangan mazhab empat menolak pendapat yang diutarakan oleh sebilangan ulama yang mengharuskan penubuhan bank susu ini. Contohnya, al-Syeikh Walid ibn Rashid al-Su‘aydan, semasa dikemukakan soalan berkenaan penubuhan bank susu ini menyatakan bahawa pendapat yang menghukum harus menubuhkan bank susu ibu, membuka ruang kepada kerosakan besar semata-mata untuk mengelak kerosakan yang masih samar. Menyusu anak boleh dilakukan dengan cara mengupah perempuan yang menyusukannya, jika ibu tiada. Tambahan lagi, terdapat ramai perempuan yang sukarela menyusukan anak. Bahkan perkembangan kemajuan teknologi pemakanan boleh menggantikan susu ibu dengan susu lain dan ketiadaan kaum wanita untuk menyusu boleh digantikan dengan susu yang dibuat di kilang. Ia dapat memenuhi objektif, walaupun tidak dapat mengambil tempat susu ibu. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan yang mendesak untuk menubuhkan bank susu ibu kerana menubuhkannya bererti melakukan kerosakan yang pasti demi membendung kerosakan yang masih samar (al-Su‘aydan 2007).

Begitu juga pendapat pengarang kitab *al-Mughni*, iaitu Ibn Qudamah yang berpendapat bahawa penyusuan menambahkan daging dan tulang adalah penyusuan yang sebenar walaupun dititik ke mulut dan hidung. Ini kerana sekiranya penyusuan dari bank susu ini diberikan kepada bayi, ia akan menambahkan daging dan tulang bayi itu. Pendapat ini juga dipersetujui oleh Mazhab Shafii dan Hanbali, sepetimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Masud yang bermaksud:

Tidaklah dinamakan penyusuan kecuali apa yang menumbuhkan daging dan menguatkan tulang (al-Shawkani, *Nayl al-Awtar*, kitab nikah, bab penyusuan dewasa).

Sehubungan itu, Majma‘ al-Fiqh al-Islami telah membincangkan mengenai permasalahan ini dalam muktamarnya yang kedua di Jeddah pada 10-16 Rabiul Awal 1406H/22-28 Disember 1985M, memutuskan bahawa mereka melarang penubuhan bank susu di dunia Islam dan haram hukumnya memberi susu daripada bank susu tersebut. Sesungguhnya Islam menganggap saudara susuan itu adalah sebagaimana saudara darah daging sendiri, yang tidak berbeza dengan darah daging nasab, oleh itu diharamkan apa sahaja yang diharamkan berdasarkan nasab. Seterusnya ialah antara tujuan umum syariat adalah menjaga nasab, sedangkan bank air susu itu seperti cenderung kepada percampuran nasab atau minuman yang akan menimbulkan keraguan. Tambahan lagi hubungan sosial di dunia Islam sangat memungkinkan untuk memberikan penyusuan secara semula jadi kepada anak-anak yang lahir secara normal atau anak-anak yang sangat memerlukan air susu. Justeru, tidak ada keperluan untuk menubuhkan bank (al-Barudi 2007).

Golongan ulama yang bersetuju dalam menubuhkan bank susu ini telah membuka jalan kemudarat yang lebih berat supaya dapat menutup kemudarat yang samar. Kemudarat yang lebih berat yang dimaksudkan di sini adalah mengenai nasab atau keturunan yang menjadi rumit sekiranya seorang bayi minum dari bank susu tersebut, kerana tidak mengenali pemilik susu tersebut. Sedangkan Islam menjaga keturunan atau nasab dan ia termasuk dalam menjaga lima prinsip dalam Islam. Oleh itu, penubuhan bank susu ini tidak diperlukan berdasarkan pendapat para ulama yang telah dibincangkan.

Berasaskan perbincangan tersebut, Malaysia berpegang kepada pendapat yang mengharamkan penubuhan bank susu. Hal ini diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Penubuhan Bank Susu seperti berikut:

Muzakarah berpandangan bahawa menjaga keturunan adalah termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam. Oleh itu, apa-apa tindakan atau perbuatan yang boleh mendatangkan kemudarat kepada nasab atau keturunan perlulah dielak. Muzakarah juga berpandangan bahawa hukum penubuhan bank

susu amat berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik-beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan Jumhur Fuqaha bahawa seseorang bayi itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung daripada payudara atau penyusuan secara tidak langsung. Juga berdasarkan hadith riwayat Abu Dawud yang bermaksud:

Daripada Ibn Masud katanya, tidak berlaku hukum penyusuan melainkan dengan apa yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.

Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahah awam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan.

Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain...” (<http://www.e-fatwa.gov.my/print/fatwa-kebangsaan/hukum-penubuhan-bank-susu>, 14 April 2012).

Berasaskan hujah tersebut, adalah lebih baik diterima pandangan yang tidak mengharuskan penubuhan bank susu bagi mengelakkan kemudaratian, iaitu ketidakpastian menentukan sabitan nasab. Tambahan lagi, dewasa ini kaedah-kaedah perubatan moden didapati berupaya membantu menyelamatkan bayi yang mengidap pelbagai penyakit kronik, tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada susu ibu.

HAK PENYUSUAN MENURUT ISLAM

Penyusuan adalah perkara yang sabit berdasarkan kepada al-Quran dan al-sunnah. Ia melibatkan hak pelbagai pihak iaitu ibu, anak dan bapa. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai pendapat berkenaan penetapan hak tersebut. Ada pendapat yang menyatakan ia adalah hak ibu, hak anak dan sesetengah pendapat menyatakan penyusuan menjadi

hak bapa. Tiga pendapat tersebut akan dibahaskan berdasarkan al-Quran, hadis dan pentafsiran ulama.

PENYUSUAN SEBAGAI HAK ANAK

Sejak janin terbentuk di dalam rahim seorang ibu, Allah SWT telah menetapkan makanan dan minuman untuk janin tersebut. Setelah lahir ke dunia makanan yang utama kepada bayi ialah susu ibu. Justeru, penyusuan susu ibu adalah menjadi hak kepada anak kerana anak berhak mendapat sesuatu yang terbaik dalam hidupnya melalui khasiat penyusuan susu ibu. Walaupun begitu, terdapat sebahagian ulama yang berpendapat penyusuan bukanlah hak bayi sebaliknya hak ibu. Sekiranya ia adalah hak anak secara mutlak, sudah tentu semua ibu akan berdosa kerana tidak memberi susunya kepada anak selama tempoh yang telah ditetapkan. Golongan yang menyatakan penyusuan adalah hak anak adalah bersandarkan firman Allah SWT:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu (al-Baqarah: 233).

Ahli tafsir menerangkan bahawa ayat ini datang dalam bentuk *khabar* yang menyuruh para ibu menyusukan anak mereka. Imam al-Razi dalam tafsirnya menyatakan setiap kata-kata yang menggunakan lafadz *khabar* adalah satu suruhan yang wajib. Justeru, suruhan penyusuan oleh Allah SWT kepada para ibu adalah satu suruhan yang wajib (al-Razi 1990). Ayat kedua yang dijadikan sebagai sandaran pendapat mereka ialah firman Allah SWT dalam ayat yang sama, yang bermaksud:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (al-Baqarah: 233).

Jelasnya Allah SWT mewajibkan para bapa supaya memberi nafkah termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada ibu-ibu yang menyusukan anak mereka. Ini kerana rezeki yang masuk ke dalam perut anak adalah daripada susu yang keluar daripada seorang ibu. Justeru para bapa perlu memberi nafkah dan makanan yang sebaiknya kepada para ibu yang menyusukan anak (Sayyid Qutb 1992). Hasil daripada nafkah tersebut, ibu akan menjadi sihat dan dapat mengeluarkan susu yang menjadi rezeki kepada anak. Kewajipan ini tidak lain tidak bukan kerana penyusuan adalah hak kepada anak yang kecil sama

seperti kewajipan nafkah kepada anak yang telah besar (al-Qurtubi 1988).

Walaupun penyusuan adalah hak kepada anak dan wajib ke atas ibu menyusukan, namun masih berlaku pertikaian di kalangan ulama berkaitan dengan masa kewajipan tersebut iaitu adakah ketika ibu masih bergelar sebagai isteri, atau sebaliknya. Pendapat yang menyatakan penyusuan wajib selagi bergelar sebagai seorang isteri bersandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap (al-Baqarah: 233).

Mereka berhujah dengan ayat ini, kerana pada urufnya, wanita yang mempunyai anak adalah mereka yang masih dalam ikatan perkahwinan. Selain itu, suruhan dalam ayat ini juga tidak jelas kewajipan penyusuan kepada semua ibu. Sekiranya wajib kepada semua ibu pasti suruhan tersebut akan bermaksud "...dan ibu-ibu mestilah menyusukan anak mereka...". Maka kesimpulan yang mereka buat adalah berdasarkan uruf, iaitu penyusuan wajib ketika perempuan tersebut masih berada dalam ikatan perkahwinan dan bukannya bagi mereka yang telah bercerai (Abdul Karim Zaidan 2000).

Pendapat kedua pula berpandangan penyusuan wajib kepada semua wanita yang bergelar ibu. Mereka juga menggunakan dalil daripada ayat di atas, cuma cara mereka mengadaptasikan ayat itu adalah berbeza. Pendapat yang kedua ini menyatakan suruhan Allah SWT dalam ayat di atas adalah mutlak, iaitu suruhan kepada semua perempuan, tidak kira mereka masih bergelar isteri atau telah bercerai. Selagi mereka sihat dan mempunyai susu, penyusuan wajib dilakukan (Rashid Rida 2005). Pendapat yang *rajih* ialah ibu wajib menyusukan anaknya ketika masih bergelar seorang isteri. Sebaliknya, sekiranya mereka telah bercerai, ibu tidak lagi wajib memberi susu kepada anak tersebut. Melainkan dia ingin berbuat demikian secara sukarela demi kebaikan anaknya. Bahkan ibu yang telah bercerai juga perlu dibayar upah oleh bekas suaminya di atas penyusuan yang diberikan kepada anak tersebut atas persetujuan kedua-dua belah pihak, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka

berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya (al-Talaq: 6).

Ayat ini jelas menunjukkan ibu wajib menyusukan anaknya ketika masih bergelar isteri dan bukannya ketika mereka telah bercerai. Ini kerana sesuatu yang wajib tidak perlu dibayar. Sedangkan ibu yang telah bercerai mereka berhak mendapat upah daripada bekas suaminya di atas penyusuan tersebut. Abdul Karim Zaidan (2000) telah memilih pendapat yang pertama sebagai pendapat yang *rajih* kerana ketepatan dalil dan hujah-hujahnya.

PENYUSUAN SEBAGAI HAK IBU

Walaupun banyak pendapat menyatakan susu adalah hak kepada anak, terdapat juga pendapat lain yang mengatakan menyusu adalah hak ibu dan bukan kewajipannya. Ini bermakna ibu mempunyai pilihan sama ada mahu memberi susu atau tidak kepada anaknya kerana penyusuan adalah haknya. Mereka berhujah dengan pelbagai dalil. Antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya (al-Talaq: 6).

Berdasarkan ayat tersebut, mereka berhujah bahawa sekiranya penyusuan itu adalah hak kepada anak dan kewajipan kepada ibu, mereka tidak perlu dibayar upah kerana menyusu anak sendiri. Tetapi dalam hal ini, arahan Allah SWT kepada para suami agar membayar upah tersebut membuktikan penyusuan bukanlah suatu kewajipan kepada ibu. Mereka berpendapat penyusuan tersebut hukumnya adalah sunat, kerana susu adalah sebaik-baik makanan kepada anak. Justeru, sunat kepada ibu memberi makanan yang terbaik untuk anaknya dan ibu akan diberi pahala atas perbuatan tersebut dan tidak berdosa jika tidak menyusukannya (al-Razi t.th; al-Zamakhshari 1977; al-Alusi 1987). Seterusnya Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (al-Baqarah: 233).

Mereka berhujah, sekiranya susu ibu adalah hak anak, para bapa tidak perlu memberi nafkah kepada ibu yang menyusukan anaknya walaupun mereka telah bercerai. Ini kerana ibu wajib menyusukan anak dalam apa keadaan sekalipun, walaupun tidak dibayar nafkahnya. Tetapi, apabila bapa perlu memberi nafkah kepada ibu yang telah diceraikan, ini jelas menunjukkan bahawa penyusuan tersebut adalah hak ibu.

Para ulama telah bersepakat bahawa susu adalah hak ibu. Namun, penyusuan tersebut bertukar menjadi wajib dalam tiga keadaan. Pertamanya, sekiranya bayi tersebut tidak dapat menerima susu lain selain daripada susu ibu kerana sakit atau alahan yang tertentu. Kedua, sekiranya tiada wanita lain yang sanggup menyusukan anaknya pada masa tersebut. Ketiga, sekiranya bapa tidak berkemampuan untuk mengupah wanita lain untuk menyusukannya. Dalam tiga keadaan yang berikut, bayi berhak mendapat susu daripada ibunya. Sekiranya ibu enggan menunaikan tanggungjawabnya, bermakna ibu telah melanggar amanah serta tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah SWT kepadanya (al-Sharbaji 2009).

Pada asalnya Islam telah mewajibkan agar ibu-ibu menyusukan anaknya dalam tiga keadaan sepertimana di atas. Dalam keadaan yang tertentu para ibu mempunyai hak untuk meminta orang lain menyusukan anaknya atau mahu menyusukan anaknya walaupun telah bercerai. Selain daripada tiga keadaan tersebut, Islam telah memberikan kelonggaran kepada para ibu yang tidak dapat menyusukan anaknya disebabkan ia telah diceraikan oleh suaminya atau bekas suami tidak mahu membayar upah menyusu yang dimintanya atau kerana sebab-sebab yang lain. Maka Allah SWT telah memberikan peluang mencari pengganti ibu untuk menyusukan anak melalui wanita yang diberikan upah untuk menyusukan bayi tersebut, sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya (al-Talaq: 6).

Ayat di atas menerangkan, jika isteri yang diceraikan bersedia menyusukan anaknya, bekas suami hendaklah memberikan upah kepadanya. Sedangkan jika bekas isteri tidak dapat menyusukan anaknya, bapa bayi tersebut bertanggungjawab untuk mencari wanita lain yang dapat menggantikan tugas isterinya sebagai ibu susuan kepada anaknya (al-Zamakhshari 1977). Oleh itu, seseorang bapa haruslah bijak dalam

memilih wanita yang sesuai untuk menyusukan anaknya. Bapa haruslah menyelidiki latar belakang wanita tersebut. Islam telah menggariskan agar memilih wanita yang mulia akhlaknya, mempunyai keteguhan rumah tangga dan peribadi yang sempurna. Ini kerana bayi akan mudah terpengaruh dengan sikap ibu susuannya disebabkan bayi peka terhadap persekitarannya (al-Mawardi 1996). Justeru, adalah digalakkan agar para ibu menyusukan sendiri bayi mereka. Keadaan ini akan memberi keistimewaan kepada kedua belah pihak, misalnya hubungan rohani dan jasmani di antara ibu dan anak akan menjadi lebih erat lagi. Selain itu, bayi tersebut juga mendapat beliahan kasih sayang daripada ibunya sendiri.

Setelah bercerai, ada kalanya hubungan antara bekas suami dan bekas isteri agak renggang. Bahkan ada di kalangan mereka yang berselisih faham, bermasam muka dan sebagainya. Pada masa ini, anak yang kecil sentiasa menjadi mangsa. Bapa yang marah dan benci kepada ibu atau bekas isterinya, sanggup melarang bekas isterinya daripada memberi susu kepada anak mereka. Ini adalah satu tindakan yang tidak betul kerana pada ketika itu, ibulah yang paling berhak untuk menyusukan anaknya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya (al-Talaq: 6).

Sekiranya ibu sanggup menyusukan anaknya dan bersetuju menerima upah daripada bekas suaminya, pihak bapa tidak boleh memberi hak tersebut kepada orang lain seperti mengambil perempuan lain untuk menyusukan anaknya. Ayat Allah SWT yang membenarkan bapa memberi upah penyusuan kepada orang lain adalah ketika terdapat kesukaran-kesukaran yang tertentu seperti susu ibu kering, ibu terlibat dengan ketagihan arak, ibu sakit dan sebagainya. Sekiranya tidak terdapat masalah tersebut dan ibu mempunyai susu, ibulah yang paling berhak menyusukan anaknya walaupun telah bercerai (Rashid Rida 2005).

PENYUSUAN SEBAGAI HAK BAPA

Penyusuan sering kali dikaitkan sebagai hak anak dan ibu. Agak sedikit perbahasan yang menyatakan penyusuan dari sudut hak bapa. Sebaliknya bapa lebih banyak dikaitkan sebagai orang yang berkewajipan memberi nafkah atau upah kepada ibu yang menyusukannya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (al-Baqarah: 233).

Namun begitu, terdapat beberapa persoalan berkaitan dengan hak suami dalam hal berkaitan dengan penyusuan ini. Isu yang pertama ialah adakah suami berhak melarang isterinya menyusukan anak mereka? Persoalannya ialah adakah isteri perlu menurut kehendak suaminya atau tetap bertegas untuk menyusukan anaknya? Terdapat pelbagai pendapat berkaitan dengan perkara ini yang telah dibincangkan oleh para ulama daripada pelbagai mazhab. Antaranya mazhab Shafii berpendapat pihak suami boleh melarang isterinya daripada menyusukan anak mereka dan mencari orang lain untuk menyusukan anak tersebut. Ini kerana suami berhak untuk berseronok dengan isteri pada setiap masa. Dengan penyusuan, berkemungkinan suami akan kehilangan masa untuk berseronok dengan isterinya. Ada juga di kalangan suami yang bimbang tubuh badan isterinya berubah sekiranya memberi susu kepada anak. Justeru, mereka berhak menegah isteri daripada menyusukan anak mereka. Namun sekiranya anak tidak mahu menyusu dengan orang lain sedangkan pada masa yang sama kesihatan anak terganggu dan hanya boleh disembuhkan dengan penyusuan susu ibu, pada ketika itu, suami tidak boleh menegah isteri daripada menyusukan anak mereka (al-Shafii 1984). Manakala mazhab Hanbali pula berpendapat penyusuan adalah hak ibu dan bukan kewajipannya. Bahkan ia menjadi wajib dalam keadaan yang darurat sahaja. Oleh kerana penyusuan tersebut adalah hak isteri, pihak suami tidak berhak melarang isteri daripada memberi susu tersebut kepada anaknya (al-Buhuti 2003). Pendapat seterusnya ialah mazhab Zahiri yang berpandangan bahawa semua ibu, tidak kira merdeka atau hamba, kaya atau miskin, kecuali isteri yang telah diceraikan, wajib menyusukan anaknya sama ada suaminya setuju ataupun tidak berdasarkan kepada zahir ayat dalam surah al-Baqarah yang jelas menunjukkan satu suruhan Allah SWT kepada kaum ibu untuk menyusukan anaknya (Abdul Karim Zaidan 2000). Pendapat yang *rajih* ialah suami tidak berhak melarang isterinya menyusukan anak mereka. Pendapat yang mengatakan penyusuan menghalang suami daripada berseronok dengan isteri masih boleh disangkal. Pada hakikatnya, penyusuan tidak memakan masa yang lama atau berterusan, sama seperti masa yang diambil untuk makan, mandi, berehat dan sebagainya. Tambahan lagi berseronok dengan isteri juga bukan sepanjang masa. Oleh itu, hujah yang menyatakan penyusuan mengganggu hubungan suami isteri agak daif. Berasaskan pendapat ini juga, Imam al-Nawawi

daripada mazhab Syafii menyatakan pendapat yang paling sahih dari mazhab Shafii iaitu para suami tidak berhak menghalang isterinya daripada menyusukan anak mereka (Abdul Karim Zaidan 2000).

Persoalan yang kedua berkaitan dengan hak suami ialah adakah suami berhak melarang isterinya menyusukan anaknya daripada suami lain? Ramai di kalangan lelaki yang mengambil isteri dari kalangan janda yang mempunyai anak. Bahkan ada sesetengahnya mempunyai anak yang kecil dan masih menyusu dengan ibunya. Persoalannya sekarang, adakah suami berhak melarang isterinya daripada menyusukan anak yang bukan daripada benihnya sendiri. Terdapat pelbagai pertikaian di kalangan ulama. Mazhab Hanbali berpendapat suami berhak menegah isteri daripada menyusukan anaknya daripada suami lain, kecuali dengan tegahan tersebut boleh mendatangkan mudarat kepada anak. Ini kerana suami memiliki hak dan kuasa ke atas isterinya. Dia berhak untuk menikmati tubuh isterinya pada setiap waktu kecuali pada waktu ibadat seperti solat dan sebagainya. Oleh itu, dengan penyusuan tersebut, masa untuk berseronok dengan isteri akan berkurangan. Larangan tersebut sama seperti suami melarang isteri keluar rumah. Maka pada ketika ini, bekas suaminya atau bapa kepada bayi tersebut perlu mencari ibu susuan dan mengupah mereka untuk menyusukan anak tersebut. Namun, sekiranya anak tersebut tetap tidak mahu menyusu dengan orang lain kecuali ibunya dan pada masa yang sama keadaan menjadi bahaya untuk bayi, ibu perlu menyusukan bayi tersebut walaupun suaminya melarang. Ini kerana keadaan telah menjadi darurat dan menyelamatkan nyawa anak adalah menjadi keutamaan ibu (Ibn Qudamah 1984). Manakala mazhab Zahiri pula berpendapat suami tidak berhak melarang isteri daripada menyusukan anaknya dengan bekas suaminya. Menurut Ibn Hazm al-Zahiri, penyusuan adalah hak anak dan menjadi kewajipan ibu untuk meneruskan penyusuan sama ada suami barunya suka ataupun tidak (Ibn Hazm t.th.).

Pendapat yang *rajih* ialah penyusuan adalah hak ibu. Dia berhak menyusukan anaknya walaupun telah berkahwin dengan lelaki lain dan suaminya yang baru tidak berhak melarangnya melakukan perkara tersebut. Pendapat mazhab Hanbali yang menyatakan hak penyusuan meluputkan hak suami untuk berseronok dengan isteri, adalah pendapat yang masih boleh disangkal. Ini kerana masa untuk berseronok dengan isteri bukanlah sepanjang masa termasuk masa makan, tidur dan sebagainya. Justeru, pada masa-masa terluang, ibu boleh menyusukan anaknya dan suami tidak berhak melarangnya.

Walaupun ikatan antara isteri dan bekas suami telah tiada, tetapi ikatannya dengan anak dan kasih sayang antara keduanya tidak akan putus selama-lamanya.

Persoalan seterusnya, adakah suami berhak melarang isterinya menyusukan anak orang lain atau mengambil upah menyusukan anak orang lain? Terdapat para isteri yang sanggup menyusukan anak orang lain yang tiada kena mengena dengan mereka. Mereka juga mempunyai tujuan-tujuan tertentu seperti ingin menambah pendapatan, rasa kasihan kepada bayi tersebut dan sebagainya. Para ulama bercanggah pendapat dalam persoalan ini. Pendapat pertama menyatakan jika seseorang perempuan mengambil upah menyusukan seseorang bayi sebelum dia berkahwin, seseorang suami tidak boleh menghalangnya daripada meneruskan penyusuan tersebut selepas mereka berkahwin. Perempuan tersebut perlu meneruskan penyusuan sehingga habis tempoh yang telah ditetapkan (Ibn Qudamah 1984). Pendapat kedua pula menyatakan jika seseorang perempuan yang telah berkahwin, menyusukan bayi orang lain dengan izin daripada suaminya sama ada dengan upah atau percuma, akad itu akan tetap berlangsung walaupun dalam tempoh tersebut suami berubah fikiran dan menghalangnya, suami tetap tidak berhak menghalang penyusuan tersebut. Pendapat ketiga mengatakan jika seseorang isteri mengambil upah untuk menyusukan anak orang lain, sedangkan suaminya tidak memberi keizinan, akad upah tersebut tidak sah. Pada ketika itu, suami berhak menghalang isterinya daripada menyusukan anak tersebut (Abdul Karim Zaidan 2000).

KESIMPULAN

Setiap bayi yang dilahirkan di muka bumi ini memerlukan penyusuan yang sempurna bagi menjamin kesihatan mereka. Ini terbukti melalui ayat-ayat al-Quran yang memberikan tanggungjawab kepada ibu bapa bagi mempastikan anak mereka mendapat penyusuan yang sempurna pada awal kelahiran sehingga mereka dewasa. Malah ahli-ahli sains juga mengakui kebenaran al-Quran dalam menyampaikan saranan dan ajaran kepada manusia terutama mengenai penyusuan ini. Rukun dan hak penyusuan menjelaskan bahawa penyusuan lebih mengutamakan hak anak. Hal ini juga telah dipersetujui di kalangan jumhur ulama. Kesan penyusuan dalam Islam yang telah menepati rukun dan syarat-syaratnya, sebagaimana yang telah dibahaskan jelas menunjukkan bahawa isu hak penyusuan dan pensabitan nasab anak susuan dengan ibu susuannya adalah antara elemen utama

yang perlu diperjelaskan, di samping kelebihan dan keistimewaan susu ibu dari aspek kesihatan bayi dan ibu. Seterusnya isu ibu susuan juga penting kerana ia memberi kesan kepada pensabitan nasab yang perlu diambil perhatian bagi mengelakkan sebarang permasalahan berkahwin dengan mahram. Rentetan itu, Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah memutuskan bahawa penubuhan bank susu tidak diharuskan, bagi menghalang umat Islam daripada terjebak kepada keraguan dan perkara yang haram kerana penubuhannya bukanlah suatu perkara yang darurat di samping terdapat alternatif lain seperti ibu susuan dan pengambilan hormon penggalak susu. Perbincangan hak penyusuan yang menyentuh penyusuan sebagai hak anak, hak ibu dan hak bapa telah diperjelaskan dalam syariat Islam bagi memelihara hak golongan yang berhak dari aspek hak bayi untuk menerima susu ibu, hak ibu untuk menyusukan bayi selama mana tidak memudaratakan dirinya dan hak bapa memberi izin isterinya menyusukan bayi.

RUJUKAN

- Abd al-Ghani al-Dimashqi al-Maydani al-Hanafi al-Ghunaymi. 1993. *al-Lubab fi sharh al-kitab*. Lubnan: Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Abd al-Karim Zaydan. 2003. *al-Mufassal fi ahkam al-mar'ah wa al-bayt al-muslim fi al-shari'ah alislamiyyah*. Cet. ke-3. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Abdullah ibn Ahmad Ibn Qudamah. 1983. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abi al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Mawardi. 1999. *al-Hawi al-kabir fi fiqh madhab al-Imam al-Shafii*. Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu al-Barakat Ahmad ibn Muhammad al-Dardir. t.th. *al-Sharh al-saghir 'ala agrab al-masalik ila madhab al-Imam Malik*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Mawardi. 1996. *Kitab al-rada'*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani. 1986. *Bada'i 'al-sana'i'*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Abu Tahir Majd al-Din Muhammad ibn Ya'qub al-Shiraz al-Faiyuz Abadi. 2004. *al-Qamus al-muhit*. Arab Saudi: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Abu Qasim Mahmud ibn 'Umar al-Zamakhshari. 1977. *al-Kashf 'an haqa'iq al-tanzil wa 'uyun al-aqawil wa wujuh al-ta'wil*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad bin Ali ibn Hajar al-Asqalani. 1407H. *Fath al-bari*. Jil. 6. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- al-Juwayni al-Haramayn. 1985. *Kitab hashiyat al-bajuri 'ala Ibn al-Qasim al-Ghazzi*. Jeddah: Sankapurah. Al-Quran al-Karim.
- Ali al-Sharbaji, Mustafa al-Khinn dan Mustafa Bugha. 2009. *al-Fiqh al-manhaji 'ala madhdhab al-Imam*

- al-Shafii.* terj: Rasyidah Adam & Shaifudin Maulup. Jil 4. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Fakhr al-Din Muhammad ibn ‘Umar ibn Husayn al-Razi. 1990. *al-Tafsir al-kabir aw mafatih al-ghayb*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. 1992. *Zad al-ma‘ad fi hady khayr al-‘ibad*. Jil 5. Beirut: Mu‘assasat al-Risalah.
- Imad Zaki al-Barudi. 2007. *Tafsir wanita dalam al-Quran*. terj. Jamaluddin Ibrahim Mydin. Kuala Lumpur: al-Hidayah.
- Jamal al-Din Abu Muhammad ‘Abdullah al-Hanafi al-Zayla‘i. 2000. *Tabyin al-haqa‘iq sharh kanz al-daqā‘iq*. Lubnan: Dar al Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jenny B. T. & Filler, L. J. Jr. 1981. *Infant & Child Feeding*. New York: Academic Press Inc.
- Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Shara’ Indonesia. 1976. *Bank air susu*. Indonesia: Jabatan Kesihatan Republik Indonesia.
- Mansur ibn Idris al-Buhuti. 2003. *Kashshaf al-qina‘ an matn al-iqna‘*. Arab Saudi: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Muhammad al-Khatib al-Sharbini. t.th. *Mughn al-muhtaj ila ma‘rifat ma‘ani alfaz al-minhaj*. Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Muhammad ibn Abi Bakr ibn ‘Abd al-Qadir al-Razi. 1995. *Mukhtar al-sihah*. Beirut: Maktabat Lubnan.
- Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr Farah al-Ansari al-Qurtubi. 1988. *al-Jami‘ li ahkam al-Quran*. Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad ibn ‘Ali al-Shawkani. t.th. *Irshad al-fuhul ila tahqiq al-haqq min ‘ilm al-usul*. Riyad: Dar al-Fadilah.
- Muhammad ibn ‘Ali al-Shawkani. t.th. *Nayl al-awtar sharh mutaqqa al-akhbar*. Kaherah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Muhammad ibn Mukram Ibn Manzur. 2003. *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Rashid Rida. 2005. *Tafsir al-manar*. Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Sayyid Qutb. 1992. *Fi zilal al-Quran*. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Shams al-Din Muhammad ibn ‘Abbas al-Shafii. 1984. *Nihayat al-muhtaj ila sharh al-minhaj*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Fikr.
- Shihab al-Din Mahmud ibn ‘Abdullah al-Husayni al-Alusi. 1987. *Ruh al-ma‘ani*. Jil. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Taqi al-Din Abu Bakr ibn Muhammad al-Husayni al-Shafii. 1995. *Kifayat al-akhyar*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Taqi al-Din ‘Ali ibn ‘Abd al-Kafi al-Subki al-Shirazi. t.th. *al-Majmu‘ sharh al-muhadhdhab*. Jedah: Maktabat al-Irshad.
- Walid ibn Rashid al-Suwaidan. 2007. *Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa*. Terj. Basri Ibrahim. Kuala Lumpur: al Hidayah Publications.
- Yusuf al-Qaradawi. 1995. *Fatwa masa kini*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Normadiyah Daud, Ph.D

Zuliza Mohd Kusrin, Ph.D

Salasiah Hanin Hamjah, Ph.D

Anwar Fakhri Omar, Ph.D

Jabatan Syariah

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia